

12 negara sertai Taekwondo Universiti Asia

NST, 06.10.2012
21

KUALA LUMPUR: Seramai 141 atlet dan pegawai dari 12 negara termasuk Malaysia, mengesahkan penyertaan dalam Kejohanan Taekwondo Universiti Asia yang akan berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari 11 hingga 13 Okt ini.

Penyelaras Media Bahagian Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi Nur Ekmal Buhari berkata edisi ketiga kejohanan itu akan menyaksikan penyertaan 13 atlet lelaki dan 11 atlet wanita dari Malaysia.

"Ia juga merupakan medan terakhir bagi memilih atlet taekwondo yang akan mewakili negara di Sukan Universiti Asean di Laos pada Disember," katanya kepada Bernama di sini kelmarin.

Negara yang bertanding ialah Brunei, Filipina, Indonesia, Kazakhstan, Lebanon, Mongolia, Nepal, Singapura, Thailand, Iran, China dan Malaysia. -Bernama